

Aspek Pragmatik dalam Pemrosesan dan Penggunaan Bahasa Kanak-kanak Autistik: Satu Kajian Psikolinguistik

Pragmatic Aspects in Language Processing and Use in Autistic Child: A Psycholinguistic Case Study

Ameerah Fatini Binti Sofian
¹Anis Nadiah Binti Che Abdul Rahman

Program Linguistik
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: ¹aniscar@ukm.edu.my

Article history:

Received date: 04.10.2025
Revised date: 06.10.2025
Accepted date: 27.10.2025
Published date: 28.11.2025

ABSTRAK

Kanak-kanak autistik sering menghadapi kesukaran dalam pemprosesan bahasa, khususnya dalam aspek pragmatik seperti memahami maksud tersirat dan berkomunikasi dalam konteks sosial. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemprosesan bahasa dari segi penggunaan bahasa pragmatik serta kesukaran dalam pemerolehan kosa kata yang mempengaruhi komunikasi sosial seorang kanakkanak yang mempunyai Autism Spectrum Disorder (ASD) tahap substantial. Kajian ini menggunakan kajian kes kualitatif yang melibatkan pemerhatian terhadap aktiviti pemprosesan kanakkanak yang mempunyai Autism Spectrum Disorder (ASD) tahap substantial dengan meneliti pengulangan perkataan tidak bermakna, pengulangan ayat penuh, dan ingatan semula ayat. Data dianalisis berdasarkan teori Maksim Grice (1975) melalui pendekatan psikolinguistik. Dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak autistik berhadapan dengan kesukaran dalam penggunaan bahasa pragmatik yang betul, termasuk dalam interaksi sosial, penggunaan kosa kata yang terhad, serta ketidakupayaan untuk menyesuaikan bahasa mengikut konteks. Kajian ini juga mencadangkan bahawa peningkatan dalam penguasaan kosa kata berpotensi menyokong perkembangan kemahiran pragmatik. Hasil kajian ini menyumbang kepada pemahaman aspek linguistik dan pragmatik dalam kalangan kanak-kanak autistik serta menekankan kepentingan intervensi awal dan terapi pertuturan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi sosial mereka.

Kata kunci: *Autism Spectrum Disorder, pemprosesan bahasa, pragmatik, kosa kata, komunikasi sosial,*

ABSTRACT

Children with autism often face difficulties in language processing, particularly in the area of pragmatics, such as understanding implied meanings and communicating within social contexts. This study aims to identify the level of language processing in terms of pragmatic language use and the challenges in vocabulary acquisition that affect the social communication of a child with substantial level Autism Spectrum Disorder (ASD). This research adopts a qualitative case study approach involving observations of the linguistic processing of a child with ASD, focusing on non-word

repetition, full sentence repetition, and sentence recall. The data were analysed using Grice's (1975) Maxims through a psycholinguistic approach. Findings indicate that autistic children struggle with appropriate pragmatic language use, including challenges in social interaction, limited vocabulary use, and the inability to adapt language to context. The study also suggests that vocabulary acquisition has the potential to support the development of pragmatic skills. The findings contribute to a better understanding of linguistic and pragmatic aspects in autistic children and highlight the importance of early intervention and speech therapy to enhance their social communication skills.

Keywords: *Autism Spectrum Disorder, Language Processing, Pragmatics, Vocabulary, Social Communication*

1. PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi yang penting dalam kehidupan manusia, dan kemampuan menguasai bahasa membolehkan individu menyampaikan maklumat, menyatakan perasaan serta berinteraksi secara sosial. Dalam konteks pemerolehan bahasa, salah satu aspek penting ialah pragmatik, iaitu kemampuan menggunakan bahasa secara sesuai mengikut situasi sosial, budaya, dan konteks pertuturan (Yule 1996). Aspek ini melibatkan kemahiran seperti memahami maksud tersirat, menjaga giliran bercakap, serta memberikan respons yang relevan. Namun, bagi kanak-kanak yang berada dalam Spektrum Autisme (ASD), penggunaan bahasa dari sudut pragmatik sering terganggu meskipun mereka mungkin menunjukkan kemampuan dalam bidang lain seperti fonologi atau tatabahasa (Tager-Flusberg 2000).

Kajian ini memfokuskan kepada aspek pragmatik dalam kalangan kanak-kanak autistik, khususnya dari sudut bagaimana mereka memproses dan menggunakan bahasa dalam konteks komunikasi sosial. Pragmatik merupakan aspek penting dalam interaksi bahasa, namun sering menjadi kekangan utama bagi individu yang berada dalam Spektrum Autisme. Kajian ini dijalankan bagi meneliti kemampuan seorang kanak-kanak autistik tahap substantial dalam menggunakan bahasa secara pragmatik berdasarkan teori maksim Grice (1975).

Kanak-kanak autistik sering kali mengalami kesukaran dalam menyesuaikan bahasa mengikut konteks, memahami makna tidak literal seperti kiasan dan sindiran, serta menunjukkan kekangan dalam interaksi sosial. Kekurangan ini menjejaskan kemampuan mereka untuk terlibat dalam komunikasi dua hala yang efektif (Volden & Phillips 2010). Tambahan pula, kesukaran ini tidak hanya berpunca daripada kelemahan linguistik semata-mata, tetapi juga berkait rapat dengan kemampuan pemrosesan maklumat bahasa, termasuk memori jangka pendek, perhatian, dan pemahaman terhadap struktur ayat. Oleh itu, pendekatan psikolinguistik digunakan dalam kajian ini untuk meneliti bagaimana pemrosesan dan penggunaan bahasa berlaku dalam kalangan kanak-kanak autistik secara lebih menyeluruh.

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan bahasa pragmatik dalam kalangan kanak-kanak autistik melalui aktiviti linguistik yang berstruktur. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis bentuk pelanggaran atau pematuhan terhadap maksim komunikasi yang diperkenalkan oleh Grice (1975), iaitu maksim kuantiti, kualiti, relevan, dan cara, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pertuturan seorang kanak-kanak autistik tahap substantial. Di samping itu, kajian ini turut menilai hubungan antara kemampuan berbahasa, pembentukan struktur ayat, dan kemampuan mengingat semula maklumat linguistik dengan keberkesanan penggunaan bahasa pragmatik dalam konteks komunikasi sosial seharian.

2. Tinjauan Literatur

Dalam bahagian ini, kajian-kajian lepas akan dibincangkan yang menjadi peranan panduan bagi kajian ini.

2.1 Autism Spectrum Disorder

Autism Spectrum Disorder (ASD) merujuk kepada sekumpulan gangguan perkembangan saraf yang dicirikan oleh cabaran yang ketara dalam interaksi sosial, komunikasi, dan tingkah laku berulang yang sempit atau terhad. Menurut *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders (DSM-5)*, ASD merupakan gangguan spektrum, bermaksud ia merangkumi pelbagai tahap keterukan dan manifestasi gejala, daripada ringan hingga ke tahap yang memerlukan sokongan substansial. Ciri-ciri utama ASD termasuk kesukaran memahami norma sosial, kegagalan mengekalkan hubungan sosial, kelewatan atau ketiadaan bahasa pertuturan, dan tingkah laku yang stereotaip serta rintangan terhadap perubahan. Gejala ini biasanya muncul sebelum usia tiga tahun dan menjejaskan perkembangan bahasa serta kecekapan pragmatik kanak-kanak.

Kajian oleh Lord, Cook, Leventhal, dan Amaral (2000) dalam artikel "*Autism Spectrum Disorder*" memberikan gambaran menyeluruh tentang ciri, diagnosis, kelaziman, serta faktor genetik dan neurobiologi ASD. Kajian ini menggunakan pendekatan teori perkembangan saraf (*neurodevelopmental framework*), yang menekankan bahawa gangguan ASD berpunca daripada ketidaknormalan dalam perkembangan otak yang menjejaskan kebolehan berkomunikasi dan berinteraksi secara sosial. Dalam konteks ini, aspek bahasa dan komunikasi dilihat sebagai refleksi kepada struktur otak yang terganggu. Kanak-kanak ASD sering gagal menunjukkan respons komunikasi tipikal, tidak mengulangi perkataan yang didengari secara bermakna, dan menunjukkan ekspresi wajah yang tidak sesuai dengan konteks sosial, yang semuanya memberi kesan kepada pembangunan pragmatik.

Dari segi kajian linguistik dan psikolinguistik, pelbagai penyelidikan telah dilakukan untuk memahami hubungan antara ASD dan pemerolehan bahasa. Kajian oleh Botting dan Conti-Ramsden (2007) menilai keupayaan kanak-kanak ASD dalam tugas linguistik seperti pengulangan perkataan tidak bermakna (*non-word repetition*) dan mengingat semula ayat (*recalling sentences*), dan mendapati bahawa tugas mengingat ayat adalah paling sensitif dalam mengesan kelemahan pragmatik dan memori linguistik. Dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak ASD mengalami kesukaran dalam menyusun semula maklumat linguistik yang kompleks, yang menunjukkan gangguan dalam komponen sintaksis dan memori kerja.

Dalam kajian oleh Simon Baron-Cohen (2001), kelemahan utama individu dengan Autism Spectrum Disorder (ASD) dijelaskan melalui *Theory of Mind (ToM)*, iaitu keupayaan untuk memahami kepercayaan, niat, dan emosi orang lain. Kekurangan dalam kebolehan ini menyebabkan kanak-kanak autistik sukar menyesuaikan pertuturan mereka mengikut keperluan pendengar, sekaligus memberi kesan langsung terhadap kecekapan pragmatik mereka. Akibatnya, mereka cenderung gagal dalam tugas komunikasi yang melibatkan pemahaman sindiran, ironi atau metafora, yang memerlukan fleksibiliti kognitif dan kepekaan sosial.

Kajian oleh Tager-Flusberg dan Joseph (2005) turut menyokong dapatan ini dengan menunjukkan bahawa kanak-kanak ASD mengalami kesukaran dalam tugas *false-belief*, iaitu ujian klasik ToM, yang mencerminkan kelemahan mereka dalam mengangap dan memahami perspektif mental orang lain. Tambahan pula, Happé (1993) mendapati bahawa individu ASD yang menunjukkan defisit dalam ToM juga menunjukkan prestasi yang lemah dalam memahami cerita yang memerlukan penilaian emosi atau sosial, seperti cerita yang mengandungi sindiran atau niat tersembunyi. Kissine (2012) pula menambah bahawa kelemahan dalam kecekapan pragmatik bukan semata-mata disebabkan oleh kegagalan mindreading, tetapi juga berkait dengan kekurangan fleksibiliti kognitif yang menghalang penyesuaian konteks dalam komunikasi.

Theory of Mind telah menjadi salah satu kerangka dominan dalam menjelaskan kesukaran pragmatik yang dialami oleh individu ASD. Kelemahan dalam memahami fikiran

dan emosi orang lain menjadikan komunikasi mereka bersifat literal, kaku, dan kurang adaptif, sejajar dengan pelanggaran maksim relevan dan cara dalam Teori Grice (1975).

Satu lagi sumbangan penting datang daripada Kissine (2012) yang dalam kajiannya membincangkan bahawa kelemahan pragmatik dalam kalangan individu ASD tidak berlaku secara menyeluruh. Beliau membezakan antara pragmatik literal (literal pragmatics) yang masih boleh difungsikan, dan pragmatik inferensial yang memerlukan pemahaman niat dan konteks sosial, yang sering menjadi cabaran utama bagi individu ASD. Kissine turut menekankan bahawa kelemahan dalam fleksibiliti kognitif menjadi faktor utama kegagalan dalam komunikasi pragmatik yang kompleks, berbanding sekadar ketidakupayaan memahami keadaan mental orang lain.

Kesemua kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa masalah komunikasi dalam ASD bukan sahaja melibatkan kelewatan pertuturan, tetapi lebih mendalam iaitu gangguan pada tahap kognitif, neurobiologi, dan kemahiran sosial, yang akhirnya mempengaruhi pemerolehan dan penggunaan bahasa dalam konteks sebenar. Daripada sudut teori pragmatik Grice (1975), kebanyakan individu ASD dilihat sering melanggar maksim komunikasi seperti maksim kuantiti, kualiti, relevan dan cara bukan kerana niat untuk menyimpang, tetapi kerana kesukaran memahami konteks sosial dan maklumat tersirat.

2.2 Pemprosesan & Penggunaan Bahasa

Pemprosesan dan penggunaan bahasa merujuk kepada dua aspek penting dalam perkembangan linguistik individu. Pemprosesan bahasa ialah proses kognitif dan neurologi yang membolehkan individu mentafsir, menyusun dan menghasilkan makna linguistik secara berkesan dalam pertuturan dan pemahaman (Chomsky 1965; Levelt 1989). Ia merangkumi aktiviti seperti pengekodan fonologi, penyimpanan memori kerja linguistik, serta interpretasi semantik dan sintaksis. Sebaliknya, penggunaan bahasa merujuk kepada aplikasi bahasa dalam konteks sosial sebenar, termasuk kecekapan dalam memilih bentuk ujaran yang sesuai, memahami makna tersirat, giliran bertutur, serta menyesuaikan komunikasi dengan norma sosial (Halliday 1975; Hymes 1972).

Literatur terdahulu menunjukkan bahawa pemprosesan dan penggunaan bahasa dipengaruhi oleh interaksi antara faktor kognitif dalaman (memori, perhatian, fungsi eksekutif) dan faktor persekitaran luaran (interaksi sosial, input linguistik, pengalaman pembelajaran). Campbell dan Wales (1970) menegaskan pentingnya kompetensi komunikatif dalam menggambarkan penggunaan bahasa sebenar berbanding kompetensi formal tatabahasa. Mereka menyokong pendekatan psikolinguistik dan pragmatik yang melihat bahasa sebagai fungsi sosial yang tidak boleh dipisahkan daripada konteks penggunaannya.

Kajian Nawaz et al. (2024) pula menekankan bahawa pemprosesan dan penggunaan bahasa berkembang melalui interaksi sosial yang bermakna, aktiviti pendidikan berstruktur, serta persekitaran yang kaya dengan bahasa. Berdasarkan teori Vygotsky dan Piaget, pemerolehan bahasa didorong oleh penglibatan aktif kanak-kanak dalam situasi komunikasi yang merangsang kemahiran fonologi, sintaksis, semantik dan pragmatik. Kajian ini menunjukkan bagaimana faktor sosial seperti penjaga dan guru mempengaruhi kemahiran bahasa awal.

Beberapa kajian khusus terhadap kanak-kanak autistik pula memberikan pandangan yang lebih mendalam. Eigsti et al. (2011) dan Foudon et al. (2007) melaporkan bahawa individu dengan ASD menunjukkan kelemahan ketara dalam penggunaan bahasa secara pragmatik walaupun ada yang berjaya memperoleh sistem bahasa secara sintaksis dan fonologi. Ini termasuk masalah dalam pengambilan giliran, pemahaman bahasa tidak langsung, intonasi prosodik, serta kesukaran memahami kata kerja mental dan ekspresi emosi. Dalam kes tertentu, struktur ayat mungkin wujud tetapi tiada penyesuaian terhadap konteks atau pendengar.

Tambahan pula, kajian oleh Saffran et al. (2001) dan Baron-Cohen (2001) menunjukkan bahawa kanak-kanak secara umum mempunyai kebolehan semula jadi untuk mengekstrak struktur linguistik melalui pembelajaran statistik, tetapi individu autistik sering mengalami gangguan dalam memahami niat dan kepercayaan orang lain (kelemahan *Theory of Mind*). Kekangan ini mengakibatkan pelanggaran prinsip pragmatik seperti yang dikemukakan oleh Grice (1975), termasuk maksim kuantiti dan relevan.

Berdasarkan sintesis kajian lepas, jelas bahawa pemprosesan dan penggunaan bahasa ialah fenomena kompleks yang melibatkan faktor neurokognitif, sosial, dan linguistik. Individu tipikal memperoleh kecekapan bahasa melalui interaksi sosial dan pengalaman linguistik yang kaya, manakala individu dengan ASD mungkin menghadapi pelbagai halangan dalam mengintegrasikan maklumat linguistik dengan konteks komunikasi. Oleh itu, pendekatan dalam kajian ini yang menilai penggunaan bahasa dalam konteks sebenar melalui kerangka psikolinguistik dan teori maksim Grice adalah penting untuk memahami komunikasi kanak-kanak autistik secara lebih menyeluruh dan kontekstual.

2.3 Pragmatik

Pragmatik ialah cabang linguistik yang mengkaji bagaimana makna disampaikan melalui bahasa dalam konteks sosial. Ia merangkumi keupayaan individu untuk memahami maksud tersirat, menyesuaikan ujaran mengikut situasi, dan mematuhi norma komunikasi seperti giliran bertutur, intonasi, serta penyesuaian gaya bahasa dengan pendengar (Leech 1983; Yule 1996). Pragmatik tidak hanya menilai struktur ayat secara literal, tetapi turut mempertimbangkan niat penutur, interpretasi pendengar, serta unsur kontekstual seperti budaya, hubungan sosial, dan tujuan komunikasi. Dalam konteks pemerolehan bahasa, kecekapan pragmatik melibatkan pemahaman bagaimana dan bila bahasa digunakan secara tepat dalam pelbagai situasi interaksi.

Taguchi (2011) menghuraikan bahawa kompetensi pragmatik terbahagi kepada dua komponen penting: pragmalinguistik dan sosiopragmatik. Pragmalinguistik merujuk kepada penggunaan bentuk linguistik seperti struktur ayat, partikel wacana, dan intonasi dalam menyampaikan makna, manakala sosiopragmatik pula melibatkan keupayaan menilai norma dan jangkauan sosial yang sesuai dengan situasi tertentu. Kajian ini menyatakan bahawa dalam pembelajaran bahasa kedua (L2), pelajar bukan sahaja perlu mengetahui bagaimana untuk membina ayat, tetapi juga bagaimana untuk menggunakan ayat tersebut dalam konteks yang sopan, sesuai dan bermakna. Maka, pengajaran pragmatik dalam konteks L2 telah berkembang daripada fokus tatabahasa kepada penekanan terhadap penggunaan bahasa yang berfungsi dan kontekstual. Taguchi menggunakan *Noticing Hypothesis* oleh Schmidt (1993, 2001) sebagai teori utama untuk menjelaskan bahawa pemerolehan aspek pragmatik memerlukan kesedaran pelajar terhadap ciri-ciri input linguistik. Pelajar yang menyedari perbezaan halus dalam penggunaan bahasa cenderung untuk menunjukkan peningkatan dalam kecekapan pragmatik. Dalam hal ini, pendekatan eksplisit yang menyampaikan maklumat tentang norma sosial dan bentuk ujaran secara langsung lebih berkesan dalam membina kecekapan pragmatik jangka panjang berbanding pendekatan implisit yang mengandalkan pemerhatian semata-mata.

Jurnal Taguchi juga menyoroti keperluan untuk pengajaran yang tersusun, berpandukan teori pemerolehan kemahiran dan pemprosesan input, bagi membantu pelajar L2 memahami hubungan antara bentuk dan fungsi bahasa dalam komunikasi pragmatik. Kajian-kajian lepas (Rose & Kasper 2001; Bardovi-Harlig 2005) turut menyokong bahawa aktiviti yang menekankan bentuk pragmatik secara langsung dapat meningkatkan kemampuan pelajar menyesuaikan ujaran dalam pelbagai konteks sosial. Oleh itu, kecekapan pragmatik dapat ditingkatkan melalui pendedahan berstruktur terhadap variasi ujaran, latihan adaptasi situasi, serta pengukuhan makna tersirat dan maksud tersirat. Di samping itu, Taguchi turut mengakui cabaran besar dalam pengajaran pragmatik, antaranya ialah ketidaksepadanan budaya antara

guru dan pelajar, kekangan masa, dan kurangnya bahan pengajaran yang autentik. Hal ini menunjukkan bahawa kompetensi pragmatik tidak hanya bersifat linguistik, tetapi turut melibatkan kefahaman interkultural dan pengetahuan tentang norma sosial masyarakat sasaran.

Dapatan dari Taguchi (2011) dan penyelidik lain menunjukkan bahawa pragmatik ialah komponen penting dalam kecekapan komunikasi, yang memerlukan penguasaan terhadap bentuk linguistik serta kefahaman terhadap konteks sosial. Pengajaran pragmatik boleh dilaksanakan dengan berkesan melalui pendekatan eksplisit yang menekankan hubungan antara bentuk dan fungsi serta memupuk kesedaran pelajar terhadap konteks penggunaannya. Dalam konteks kajian ini, penguasaan pragmatik dilihat sebagai satu bentuk kecekapan kritikal yang dapat dinilai melalui respons terhadap aktiviti seperti pengulangan ayat, pemahaman makna tersirat, dan kemampuan menyesuaikan bahasa dengan konteks sosial, khususnya dalam kalangan kanak-kanak autistik yang sering berdepan dengan cabaran dalam menyesuaikan ujaran mengikut situasi. Maka, pendekatan pragmatik yang digariskan oleh Taguchi memberikan asas teoritikal yang kukuh untuk menilai keberkesanan penggunaan bahasa dalam kajian ini.

2.4 Psikolinguistik

Psikolinguistik ialah cabang ilmu linguistik dan psikologi yang mengkaji proses mental dan neurologi yang terlibat dalam pemerolehan, pemahaman, penghasilan, dan penggunaan bahasa oleh manusia (Field 2003). Disiplin ini memberi tumpuan kepada cara otak manusia memproses bahasa secara saintifik, termasuk aspek seperti persepsi pertuturan, pemprosesan sintaksis, pemahaman semantik, dan memori kerja linguistik. Psikolinguistik turut menjelaskan bagaimana kanak-kanak memperoleh bahasa pertama mereka dan bagaimana bahasa kedua dipelajari serta digunakan. Antara ciri utama psikolinguistik ialah, tumpuan kepada mekanisme kognitif dalaman seperti memori dan perhatian, hubungan antara struktur bahasa dengan pemrosesannya dalam otak, kajian terhadap perkembangan bahasa secara semula jadi dan pemerhatian terhadap bagaimana gangguan neurologi atau perkembangan seperti autisme memberi kesan kepada bahasa.

Dalam kajian Botting dan Conti-Ramsden (2007), penyelidik mengaplikasikan kerangka psikolinguistik untuk membezakan antara gangguan spektrum autisme (ASD), kecacatan bahasa pragmatik primer (PLI), dan kecacatan bahasa khusus (SLI). Melalui penggunaan ujian ulangan perkataan tidak bermakna (non-word repetition), tugas mengingat ayat, dan tugas bahasa kala lalu, kajian ini mendapati bahawa tugas mengingat ayat merupakan penanda paling sensitif untuk mengenal pasti perbezaan pragmatik dalam kalangan kanak-kanak ASD. Hasil ini menunjukkan bahawa gangguan dalam ASD bukan hanya melibatkan bahasa dari segi bentuk, tetapi berkait rapat dengan kesukaran dalam pemrosesan memori linguistik dan fungsi kognitif sosial, yang merupakan domain utama dalam psikolinguistik.

Terdapat juga jurnal oleh Rakhmanita yang meneroka bagaimana gejala autisme seperti kesukaran komunikasi, interaksi sosial dan kawalan emosi berkait rapat dengan kelemahan dalam pemrosesan bahasa. Kajian ini menegaskan bahawa kanak-kanak autistik mengalami halangan dalam memperoleh bahasa secara semula jadi daripada persekitaran disebabkan gangguan dalam fungsi neuropsikologi. Aspek psikolinguistik seperti pengekodan input linguistik, pemahaman struktur bahasa, dan penghasilan ujaran terganggu, menyebabkan kelewatan atau kegagalan dalam perkembangan bahasa. Justeru, psikolinguistik menjadi kerangka penting untuk memahami bagaimana pemrosesan mental yang tidak tipikal menyumbang kepada masalah bahasa dalam kalangan individu dengan ASD.

Selanjutnya, Hulstijn mengupas pelbagai pendekatan teori terhadap pemerolehan bahasa dan pengajaran bahasa kedua (L2). Beliau membandingkan pandangan generatif Chomsky,

yang menekankan kapasitas semula jadi (innate) terhadap bahasa, dengan pendekatan sosiokognitif yang melihat bahasa sebagai hasil interaksi antara faktor dalaman dan luaran. Penekanan terhadap pembelajaran eksplisit dan tersirat, serta kefasihan melalui pengautomasian, merupakan antara isu penting dalam kajian psikolinguistik. Hulstijn menekankan bahawa aspek modulariti minda juga harus dipertimbangkan, iaitu sejauh mana pemprosesan bahasa bebas daripada fungsi kognitif lain seperti memori dan perhatian. Perspektif ini sejajar dengan keperluan memahami kerencatan bahasa dalam kalangan ASD dari sudut kognitif dan neurologi yang lebih luas.

Dalam konteks autisme, semua kajian ini mengukuhkan bahawa psikolinguistik menyediakan asas penting dalam mengenal pasti, menilai dan memahami gangguan komunikasi secara holistik. ASD sering dikaitkan dengan kelemahan dalam penggunaan bahasa secara kontekstual, kesukaran menyesuaikan ujaran kepada pendengar, serta pelanggaran terhadap maksim pragmatik seperti relevan dan kuantiti, sebagaimana dijelaskan dalam teori Grice (1975). Penanda psikolinguistik seperti tugas ingatan semula ayat dan pengulangan perkataan tidak bermakna membolehkan penyelidik mengesan tahap pemprosesan bahasa yang sebenar, terutamanya dalam populasi khas seperti ASD.

Psikolinguistik merupakan bidang penting dalam memahami keupayaan linguistik manusia, terutamanya dalam konteks pemerolehan dan pemprosesan bahasa dalam kalangan kanak-kanak autistik. Kajian-kajian seperti Botting dan Conti-Ramsden (2007), Rakhmanita, serta Hulstijn menekankan bahawa gangguan komunikasi dalam ASD mempunyai asas neurokognitif yang boleh dinilai melalui pendekatan psikolinguistik. Ujian seperti non-word repetition dan recalling sentences bukan sahaja menunjukkan prestasi linguistik, tetapi juga mencerminkan fungsi memori kerja, fleksibiliti kognitif, dan kecekapan pragmatik. Dalam kajian ini, kerangka psikolinguistik membolehkan analisis yang lebih mendalam terhadap corak komunikasi peserta autistik, khususnya dalam pemahaman dan penggunaan makna secara kontekstual, yang menjadi tumpuan utama kajian dari sudut teori Grice dan pragmatik.

2.5 Kerangka Maksim Teori Grice (1975)

Teori Maksim Grice, yang diasaskan oleh H.P. Grice dalam syarahannya *Logic and Conversation* (1975), merupakan asas penting dalam bidang pragmatik, khususnya dalam menjelaskan bagaimana manusia menafsir dan menghasilkan komunikasi yang bermakna dalam interaksi sosial. Grice mengemukakan prinsip Kerjasama (*Cooperative Principle*) yang menyatakan bahawa penutur dan pendengar secara asasnya bekerjasama untuk menjadikan komunikasi efektif dan difahami. Prinsip ini dibahagikan kepada empat maksim utama, iaitu:

1. Maksim Kuantiti – Berikan maklumat yang mencukupi, tidak terlalu sedikit dan tidak terlalu banyak.
2. Maksim Kualiti – Berikan maklumat yang benar dan boleh disokong dengan bukti.
3. Maksim Relevan – Berikan maklumat yang berkaitan dengan topik atau konteks perbualan.
4. Maksim Cara – Nyatakan maklumat secara jelas, ringkas dan teratur, tanpa kekaburan atau kekeliruan.

Dalam konteks linguistik pragmatik, pelanggaran terhadap mana-mana maksim ini bukan semestinya membawa maksud salah atau gagal, tetapi sering menjadi strategi untuk menyampaikan makna tersirat, sindiran, penolakan halus, atau emosi sosial yang lebih kompleks (Thomas 1995).

Dalam pelbagai kajian berkaitan kanak-kanak autistik, pelanggaran terhadap maksim Grice dikenal pasti sebagai penanda utama kelemahan dalam kecekapan pragmatik, terutamanya dalam memahami makna kontekstual dan menyampaikan mesej secara berkesan.

Beberapa kajian terdahulu telah menunjukkan bagaimana pelanggaran terhadap maksim komunikasi Grice berlaku dalam kalangan individu yang mengalami kesukaran bahasa, terutamanya kanak-kanak dengan *Autism Spectrum Disorder* (ASD). Botting dan Conti Ramsden (2007) mendapati bahawa kanak-kanak dengan ASD sering gagal mematuhi maksim relevan dan kuantiti, terutamanya dalam tugas mengingat semula ayat dan pengulangan perkataan. Mereka menekankan bahawa kelewatan dalam pemprosesan memori linguistik memberi kesan langsung terhadap keupayaan peserta menyampaikan maklumat yang tepat dan berkaitan. Sementara itu, kajian oleh Rakhmanita (2021) menunjukkan bahawa aspek pragmatik seperti kejelasan, kesinambungan topik, dan interaksi dua hala sering terganggu dalam kalangan kanak-kanak autistik, yang memperlihatkan pelanggaran berterusan terhadap maksim cara dan relevan, kesan daripada gangguan dalam fungsi kognitif dan sosial mereka. Dalam konteks yang berbeza, Taguchi (2011) melalui kajian pengajaran pragmatik bahasa kedua (L2) turut menekankan bahawa kecekapan pragmatik memerlukan kesedaran terhadap maksim Grice. Pelajar yang gagal memahami tujuan sosial atau konteks pertuturan cenderung untuk melanggar prinsip komunikasi yang berkesan, khususnya dari segi pemilihan bentuk linguistik yang sesuai dalam interaksi sosial. Kerangka Teori Maksim Grice memberikan struktur yang berguna dalam menilai sejauh mana individu, khususnya kanak-kanak autistik, mampu menggunakan bahasa secara kontekstual dan sosial. Dalam konteks autisme, pelanggaran terhadap maksim bukan semata-mata disebabkan kekurangan maklumat, tetapi lebih kepada ketidakmampuan menyesuaikan maklumat dengan konteks, kekeliruan dalam memahami niat pertuturan, serta kesukaran mengakses makna tersirat atau isyarat bukan lisan.

Dalam kajian ini, analisis terhadap respons peserta melalui tugas pengulangan perkataan tidak bermakna, pengulangan ayat penuh, dan mengingat semula ayat, membolehkan pengkaji menilai sama ada ujaran peserta mematuhi atau melanggar maksim komunikasi, seterusnya menilai tahap kecekapan pragmatik peserta. Pelanggaran yang dikenalpasti (contohnya: memberi jawapan terlalu singkat, tidak berkaitan, atau kabur) merupakan indikator kepada cabaran dalam pemprosesan bahasa, fleksibiliti kognitif dan fungsi sosial, yang kesemuanya merupakan aspek penting dalam kerangka psikolinguistik.


Oleh itu, penggunaan Teori Maksim Grice dalam kajian ini bukan sahaja sesuai dari sudut pragmatik, tetapi juga memberikan kerangka sistematik untuk menganalisis komunikasi kanak-kanak autistik dari aspek kualitatif yang lebih mendalam dan kontekstual. Teori ini juga menyokong pelaksanaan intervensi terapi pertuturan dan pengajaran sosial, yang bertujuan memperbaiki kecekapan pragmatik melalui latihan memahami dan menyesuaikan ujaran mengikut maksim. Tinjauan literatur ini menegaskan bahawa aspek pragmatik dan psikolinguistik berperanan penting dalam memahami variasi komunikasi dalam kalangan kanak-kanak autistik, justeru membentuk asas kepada analisis kajian kes ini.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Bahagian ini akan menjelaskan tatacara pengumpulan data, analisis data dan kawasan kajian.

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif yang menumpukan kepada seorang peserta tunggal, iaitu seorang kanak-kanak lelaki berumur 12 tahun yang telah disahkan menghidap *Autism Spectrum Disorder* (ASD) tahap substantial. Pemilihan peserta dibuat secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*), dengan mengambil kira keupayaan verbal yang sedang berkembang dan ciri-ciri masalah pragmatik yang selari dengan objektif kajian. Pemilihan seorang responden adalah sesuai bagi kajian kes yang memerlukan pemerhatian mendalam dalam konteks kehidupan sebenar (Yin, 2018).



RAJAH 1: KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data dilaksanakan melalui pemerhatian berstruktur berdasarkan tiga aktiviti linguistik utama iaitu:

1. Pengulangan perkataan tidak bermakna (*non-word repetition*),
2. Pengulangan ayat penuh (*full sentence repetition*), dan
3. Mengingat semula ayat (*recalling sentences*).

Setiap sesi pemerhatian dirakamkan menggunakan perakam suara dan kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim untuk tujuan analisis yang lebih terperinci. Rakaman video tidak digunakan kerana peserta menunjukkan reaksi takut dan tidak selesa terhadap kamera semasa sesi percubaan awal. Justeru, rakaman audio dipilih sebagai kaedah yang lebih sesuai dan mesra peserta bagi memastikan suasana pemerhatian kekal semula jadi dan tidak mengganggu emosi peserta. Sebelum pengumpulan data dilaksanakan, persetujuan bertulis telah diperolehi daripada penjaga peserta (*informed consent*) setelah dijelaskan tujuan kajian, kaedah pemerhatian, dan langkah perlindungan kerahsiaan identiti serta keselamatan peserta.

Kesemua sesi pemerhatian dijalankan sebanyak lima kali dalam tempoh berlainan, dengan setiap sesi berlangsung antara 30 hingga 45 minit, bergantung kepada tahap fokus dan keselesaan peserta. Langkah ini diambil bagi mengelakkan keletihan kognitif dan memberi ruang kepada peserta untuk menunjukkan tindak balas linguistik secara lebih semula jadi dalam keadaan yang stabil dan terkawal.

3.2 Analisis Data

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis tematik yang disokong oleh kerangka Teori Maksim Grice (1975). Analisis ini bertujuan mengenal pasti pematuhan atau pelanggaran terhadap empat maksim komunikasi iaitu maksim kuantiti, kualiti, relevan, dan cara. Data dikodkan berdasarkan kategori tingkah laku pragmatik dan dianalisis secara deskriptif serta kualitatif. Corak atau kecenderungan dalam komunikasi subjek dikaji secara menyeluruh untuk mengenal pasti tahap penguasaan pragmatik dan pemprosesan bahasa yang sebenar.

Selain itu, senarai semak pemerhatian dibangunkan berdasarkan maksim Grice digunakan sebagai instrumen analisis. Hasil dapatan disokong dengan transkripsi dan contoh data sebenar, manakala jadual dan graf frekuensi digunakan untuk memvisualkan kekerapan pelanggaran atau pematuhan maksim dalam setiap aktiviti linguistik yang dijalankan.

JADUAL 1: Jadual Ini Menunjukkan Stimulus Yang Digunakan Kepada Subjek Kajian

Stimulus / Soalan	Jenis Aktiviti	Tujuan Linguistik	Jenis Maksim Dinilai
temako	Pengulangan perkataan keupayaan tidak bermakna pemprosesan	Menilai fonologi dan fonem	Cara
nabuki	Pengulangan perkataan dan tidak bermakna	Menilai kejelasan kesinambungan bunyi	Cara
simora	Pengulangan perkataan kejelasan tidak bermakna kepekaan	Menilai artikulasi dan auditori	Cara
kefuno	Pengulangan perkataan ingatan tidak bermakna	Menilai daya fonemik	Cara
zobali	Pengulangan perkataan tidak bermakna	Menilai struktur suku kata yang kompleks	Cara
Ali sedang makan nasi	Pengulangan ayat penuh	Menilai struktur ayat dan ingatan jangka pendek	Kuantiti, Cara
Ayah membaca buku	Pengulangan ayat penuh	Menilai susunan tatabahasa dan maklumat lengkap	Kuantiti
Mak sedang sidai baju	Pengulangan ayat penuh	Menilai struktur subjekpredikat dan urutan ayat	Kuantiti
Adik menangis kepada ibu	Pengulangan ayat penuh	Menilai pengulangan ayat pendek yang padat makna	Tiada / Minimum
Ayah membaca buku	Pengulangan ayat penuh	Menilai pengulangan ayat pendek yang padat makna	Tiada / Minimum
Saya nak minum air sirap sejuk.	Pengulangan ayat penuh	Menilai penggunaan kata adjektif dan struktur ayat kompleks	Kuantiti

Awak suka makan apa? Nasi goreng ke Maggi goreng?	Mengingat semula ayat	Menilai respons spontan dan kontekstual	Kuantiti, Relevan
Tengok jam tu, sekarang pukul berapa?	Mengingat semula ayat	Uji pemahaman kontekstual dan kejelasan maklumat	Kuantiti, Relevan
Semalam awak keluar tak? pergi mana?	Mengingat semula ayat	Menilai keupayaan memori dan respons peristiwa	Kuantiti, Relevan
Pagi tadi mak awak masak apa?	Mengingat semula ayat	Respons terhadap peristiwa yang lazim	Kuantiti
Kawan awak nama siapa?	Mengingat semula ayat	Uji kemampuan menyampaikan fakta sosial	Kuantiti, Relevan
Awak suka game apa? Minecraft ke Roblox	Mengingat semula ayat	Menilai ekspresi minat secara spontan	Kuantiti, Relevan

Penggunaan stimulus dalam kajian ini bertujuan untuk mencetuskan respons linguistik peserta secara terkawal, sejajar dengan keperluan kanak-kanak autistik yang sering mengalami kesukaran dalam pertuturan spontan dan komunikasi sosial (Lord et al. 2000). Kanak-kanak dengan ASD memerlukan stimulus kerana mereka biasanya menghadapi cabaran dalam memulakan dan mengekalkan interaksi verbal secara spontan, serta dalam memahami konteks komunikasi sosial yang tidak eksplisit. Oleh itu, penggunaan stimulus yang dirancang dapat membantu menyediakan rangsangan yang konsisten dan boleh diramal, sekaligus memudahkan mereka untuk memproses maklumat dan memberikan respons yang relevan dan bermakna (Tager-Flusberg 1999; Yoder & Stone 2006). Ini penting kerana ia membolehkan penyelidik menilai aspek linguistik secara sistematik tanpa tekanan kognitif yang berlebihan, serta membantu mengurangkan kebimbangan atau kekeliruan yang mungkin timbul dalam situasi komunikasi yang tidak dijangka.

3.3 Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di kediaman peserta, yang disahkan oleh penjaga sebagai tempat yang paling sesuai dan selesa untuk pemerhatian. Pemilihan lokasi ini dilakukan dengan mengambil kira keperluan emosi dan tingkah laku kanak-kanak autistik, khususnya sensitiviti mereka terhadap persekitaran baharu dan gangguan luar. Menurut Johnson dan Myers (2007), persekitaran yang dikenali dan rutin yang konsisten amat penting bagi kanak-kanak dengan *Autism Spectrum Disorder* (ASD), kerana perubahan mendadak dalam persekitaran boleh menimbulkan keresahan, ketakutan, dan tingkah laku agresif. Oleh itu, pelaksanaan sesi pemerhatian di rumah sendiri membolehkan peserta berada dalam keadaan emosi yang lebih

stabil, selamat dan bersedia untuk memberi respons yang lebih autentik dan tidak terganggu.. Pemilihan lokasi ini dibuat secara teliti bagi memastikan peserta berada dalam keadaan emosi yang stabil, selaras dengan sensitiviti tinggi kanak-kanak ASD terhadap perubahan persekitaran baharu. Ruang tamu rumah peserta dipilih sebagai lokasi tetap bagi semua sesi, kerana ia merupakan kawasan yang dikenali oleh peserta dan bebas daripada elemen rangsangan berlebihan seperti bunyi bising, cahaya terang, atau kehadiran individu luar. Untuk memastikan keselamatan dan keselesaan peserta, beberapa protokol khusus telah ditetapkan. Antaranya, sesi pemerhatian hanya dijalankan apabila peserta berada dalam keadaan tenang dan tidak menunjukkan tanda-tanda keletihan atau keresahan. Sebelum setiap sesi, penyelidik akan berinteraksi secara ringkas dengan peserta bagi membina kepercayaan dan kesediaan emosi. Penjaga peserta turut berada berdekatan sepanjang tempoh pemerhatian untuk memantau tingkah laku dan memberi sokongan sekiranya diperlukan. Selain itu, tempoh sesi dihadkan antara 30 hingga 45 minit sahaja, bergantung kepada tahap perhatian dan respons peserta, bagi mengelakkan keletihan kognitif. Rakaman audio digunakan sebagai medium dokumentasi kerana peserta menunjukkan ketakutan terhadap kamera atau rakaman visual. Keputusan ini bukan sahaja berdasarkan pengamatan awal tetapi juga atas nasihat penjaga dan pengalaman terdahulu peserta dalam situasi formal. Sesi juga dijalankan dalam suasana yang tidak terlalu formal; peserta dibenarkan duduk di tempat kegemarannya dan diberi masa rehat jika diperlukan. Penyelidik turut menggunakan bahan rangsangan linguistik yang mesra dan sesuai umur, serta mengelakkan arahan yang bersifat tekanan. Protokol ini dilaksanakan bagi memastikan bahawa data yang dikumpul mencerminkan tindak balas sebenar peserta dalam keadaan semula jadi dan selesa, sekali gus mematuhi etika penyelidikan dalam bekerja dengan populasi berkeperluan khas seperti kanak-kanak autistik.

4. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan keseluruhan dapatan kajian dari segi

4.1 Keupayaan Fonologi dan Artikulasi melalui Pengulangan Stimulus

4.1.1 Aktiviti Pengulangan Perkataan Tidak Bermakna (*Non-word Repetition*)

JADUAL 4.1: Jadual Menunjukkan Dapatan Aktiviti Pengulangan Perkataan Tidak Bermakna

Stimulus	Respon Peserta	Analisis
temako	temako	Tiada pelanggaran; pengulangan tepat
nabuki	nabuki	Tiada pelanggaran; fonologi jelas
simora	simora	Tiada pelanggaran; peserta dapat mengulangi suku kata kompleks
kefuno	kefuno	Tiada pelanggaran; menunjukkan ketepatan artikulasi

zobali	zobalik	Pelanggaran Maksim Cara – penambahan fonem akhir yang tidak wujud dalam stimulus
---------------	---------	---

Prestasi peserta dalam aktiviti ini menunjukkan bahawa fonologi bukanlah kekangan utama dalam komunikasi peserta. Hal ini dapat dilihat melalui keupayaan peserta untuk mengulang perkataan tidak bermakna (non-word repetition) dengan tepat dan konsisten. Pemerhatian turut menunjukkan bahawa peserta sering menggunakan bentuk pengulangan bunyi secara spontan dalam komunikasi harian, walaupun dalam bentuk ujaran yang tidak semantik atau tidak terikat makna kontekstual. Ini mencadangkan bahawa dari sudut psikolinguistik, aspek fonologi dalam sistem linguistik peserta adalah berfungsi dengan baik, dan kemungkinan besar tidak mengalami gangguan artikulasi atau pemrosesan fonem asas.

Namun begitu, pencapaian ini perlu dilihat bersama dengan kekangan lain yang lebih ketara, iaitu dari sudut pemahaman makna, struktur sintaksis, serta keupayaan menyesuaikan ujaran mengikut konteks sosial. Aktiviti seterusnya yang melibatkan pengulangan ayat penuh dan mengingat semula ayat memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap kesukaran peserta dalam menyampaikan mesej yang lengkap, relevan, dan sesuai dengan situasi komunikasi. Justeru, walaupun aspek fonologi tidak menimbulkan masalah, keseluruhan kecekapan pragmatik masih memerlukan perhatian dan penilaian menyeluruh agar intervensi yang dirancang benar-benar menepati keperluan komunikasi peserta autistik.

Melalui aktiviti pertama ini, peserta menunjukkan prestasi yang baik dalam tugas ini dengan empat daripada lima perkataan tidak bermakna diulang secara tepat. Hanya satu kes melibatkan pelanggaran Maksim Cara, iaitu dalam stimulus *zobali*, peserta menambah bunyi /k/ di akhir kata, menjadi *zobalik*. Ini menunjukkan sedikit gangguan dalam pemrosesan fonologi, namun secara umum kemampuan peserta dalam aktiviti ini adalah memuaskan berbanding tugas lain. Hasil ini juga menyokong dapatan Botting & Conti-Ramsden (2007) bahawa kanak-kanak autistik lazimnya menunjukkan prestasi lebih baik dalam *non-word repetition* berbanding kumpulan SLI.

4.1.2 Analisis Psikolinguistik dan Pragmatik Non-word Repetition

Dari sudut psikolinguistik, tugas pengulangan perkataan tidak bermakna (non-word repetition) bertujuan menguji keupayaan fonologi peserta, iaitu bagaimana otak memproses, menyimpan dan menghasilkan bunyi-bunyi linguistik yang tidak dikenali. Keupayaan untuk mengulangi perkataan yang tidak mempunyai makna ini mencerminkan kekuatan memori jangka pendek fonologi (phonological short-term memory) dan sensitiviti auditori terhadap struktur suku kata. Dalam tugas ini, peserta berjaya mengulangi empat daripada lima perkataan secara tepat (*temako*, *nabuki*, *simora*, dan *kefuno*), menunjukkan bahawa pemrosesan fonemik peserta berada pada tahap yang baik. Hal ini menunjukkan bahawa peserta tidak mengalami defisit fonologi yang ketara, selaras dengan dapatan Botting & Conti-Ramsden (2007) yang mendapati bahawa kanak-kanak autistik seringkali tidak menunjukkan kelemahan yang signifikan dalam tugas non-word repetition, berbeza dengan kanak-kanak SLI.

Walau bagaimanapun, dalam satu kes (*zobali* → *zobalik*), peserta telah menambah satu fonem akhir /k/ yang tidak wujud dalam stimulus asal. Dari sudut psikolinguistik, hal ini menunjukkan kemungkinan berlaku gangguan dalam perwakilan fonem mental atau kesilapan semasa proses artikulasi motor. Gangguan ini boleh berpunca daripada kesukaran dalam

mengekalkan input auditori dalam ingatan jangka pendek secara tepat atau kecenderungan automatik untuk memadamkan bentuk bunyi kepada corak bunyi yang lebih biasa baginya.

Dari aspek pragmatik pula, walaupun tugas ini tidak secara langsung menguji pemahaman konteks sosial atau makna tersirat, sebarang kegagalan dalam menghasilkan pengulangan tepat boleh ditafsir sebagai pelanggaran Maksim Cara, iaitu maksim yang menuntut kejelasan dan ketepatan dalam bentuk ujaran. Tambahan bunyi /k/ dalam respons *zobalik* mewakili bentuk pertuturan yang mungkin mengelirukan jika digunakan dalam komunikasi sebenar. Walaupun pelanggaran pragmatik dalam aktiviti ini lebih bersifat teknikal dan fonetik berbanding kontekstual, ia tetap memberi petunjuk awal tentang tahap kecekapan komunikasi peserta, khususnya dari segi kejelasan dan penghasilan ujaran.

4.2 Keupayaan Memori dan Struktur Sintaksis dalam Pembinaan Ujaran

4.2.1 Aktiviti Pengulangan Ayat Penuh (*Full Sentence Repetition*)

4.2: Jadual Menunjukkan Dapatan Aktiviti Pengulangan Ayat Penuh

Stimulus	Respons peserta	Analisis
Ali sedang makan nasi	Ali apa? Ali sedang makang nasi	Tambahan ayat tanya + variasi sebutan 'makang'; gangguan sintaktik awal
Mak sedang sidai baju	Mak sidai baju	Struktur hampir lengkap; tiada pelanggaran besar
Adik menangis kepada ibu	Apa? Adik menangis..	Gagal lengkapkan ayat; tergantung; masalah pemahaman & memori
Ayah membaca buku	Ayah baca buku	Ayat pendek, betul secara semantik; variasi bentuk lisan
Saya nak minum air sejuk	Saya nak minum air sejuk	Pengulangan sempurna; tiada pelanggaran

Dari aspek psikolinguistik, pelbagai tahap penghasilan semula ayat ini menunjukkan keupayaan peserta dalam mengakses semantik dan struktur tatabahasa. Respons seperti "*Ali apa? Ali sedang makang nasi*" menunjukkan proses pemantauan semula (*self-repair*) sedang berlaku dalam memori jangka pendek peserta, di mana percubaan pertama gagal dan diganti dengan percubaan seterusnya yang lebih lengkap. Dalam kes "*Adik menangis kepada ibu*", respons tergantung memberi petunjuk bahawa struktur kompleks dengan dua subjek dan objek mungkin melebihi keupayaan pemrosesan linguistik peserta.

Dari sudut pragmatik, pelanggaran yang paling ketara dalam tugas ini ialah terhadap Maksim Kuantiti dan Maksim Cara. Beberapa ayat dipendekkan hingga menjejaskan maklumat penting, contohnya "*Ayah baca buku*", yang masih boleh difahami tetapi tidak mengekalkan bentuk asal stimulus. Pelanggaran maksim cara pula berlaku apabila ayat terganggu seperti "*Adik menangis..*" tanpa penutupan yang lengkap, menyebabkan kekaburan dalam komunikasi.

Walau bagaimanapun, satu respons berjaya diulang dengan sempurna ("*Saya nak minum air sejuk*"), menunjukkan bahawa peserta mampu mengekalkan dan menghasilkan struktur ayat yang lengkap apabila beban sintaksis dan semantik berada dalam kawalan pemrosesannya.

Keseluruhannya, peserta dalam aktiviti ini menunjukkan bahawa kelemahan utama bukanlah fonologi, tetapi lebih kepada konsistensi dalam struktur, memori kerja linguistik, dan

pemahaman kontekstual yang berkaitan dengan penghasilan semula maklumat lengkap dan teratur. Hal ini sekali lagi menekankan pentingnya intervensi dalam pembinaan struktur ayat dan strategi pemprosesan pragmatik dalam kalangan kanak-kanak autistik.

4.2.2 Aktiviti Mengingat Semula Ayat (*Recalling Sentences*)

JADUAL 4.2.2 Jadual Menunjukkan Respons Peserta Dalam Aktiviti Mengingat Semula Ayat.

Stimulus	Respon Peserta
Awak suka makan apa? Nasi goreng ke Maggi goreng?	Nasi goreng
Tengok jam tu, sekarang pukul berapa?	Sembilan
Semalam awak keluar tak? pergi mana?	Jogging
Pagi tadi mak awak masak apa?	Tak apa-apa pun
Kawan awak nama siapa?	Tak tahu
Awak suka game apa? Minecraft ke Roblox	Roblox

Respons peserta menunjukkan pemprosesan semantik yang baik untuk soalan-soalan yang konkrit dan berkaitan dengan pengalaman harian (*makanan, jam, permainan*). Respons seperti “*Nasi goreng*”, “*Sembilan*”, dan “*Roblox*” mencerminkan kemampuan untuk memilih dan menyusun maklumat dari ingatan jangka pendek dengan betul. Tugas ini juga menunjukkan bahawa peserta mampu memahami soalan jenis pilihan dan memberikan respons berdasarkan pilihan yang diberikan (“*Nasi goreng ke Maggi goreng?*” → “*Nasi goreng*”).

Sebaliknya, bagi soalan yang menuntut pemahaman naratif atau melibatkan hubungan sosial dan latar (“*Kawan awak nama siapa?*”), peserta memberikan jawapan elak seperti “*Tak tahu*”. Ini mencerminkan kekangan dalam ingatan semantik berkaitan orang lain, atau mungkin juga ketidakselesaan menjawab soalan sosial iaitu ciri lazim dalam kanak-kanak ASD.

Pelanggaran yang dikesan melibatkan terutamanya Maksim Kuantiti dan Maksim Relevan, contohnya dalam jawapan “*Tak apa-apa pun*”, yang tidak menjawab secara spesifik soalan tentang makanan, dan juga “*Tak tahu*” yang mengelakkan pengisian maklumat. Namun, untuk soalan-soalan yang lebih rutin dan tidak bersifat sosial, peserta memberikan respons yang pragmatik, tepat, dan sesuai dengan konteks.

Data ini memperkukuh dapatan bahawa kanak-kanak autistik lebih mudah menjawab soalan konkrit dan rutin, berbanding soalan sosial atau bersifat terbuka. Tugas *recalling sentences* ini terbukti sangat berkesan untuk mengenal pasti aspek kelemahan pragmatik tersembunyi yang tidak dapat dikesan dalam aktiviti pengulangan semata-mata.

4.2 Perbincangan

Tuntasnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta memiliki keupayaan fonologi yang agak baik, seperti yang dapat dilihat daripada pencapaian yang memuaskan dalam aktiviti pengulangan perkataan tidak bermakna (*non-word repetition*). Hal ini menunjukkan bahawa peserta masih mengekalkan kemahiran asas dalam artikulasi dan pemprosesan bunyi, yang menjadi salah satu asas penting dalam perkembangan bahasa awal. Walau bagaimanapun, cabaran yang ketara dikenalpasti dalam aspek pemprosesan sintaksis serta kecekapan pragmatik, terutamanya apabila peserta diminta mengulangi atau membina ayat yang lengkap dan bermakna dalam konteks sosial.

Pelanggaran terhadap maksim komunikasi Grice (1975) dilihat berlaku secara berulang, terutamanya dalam maksim kuantiti dan cara. Peserta sering memberikan respons yang terlalu sedikit atau terlalu umum, serta sukar menstruktur maklumat dengan jelas, lengkap, dan mudah difahami. Pelanggaran terhadap maksim relevan juga diperhatikan, mencerminkan kesukaran peserta dalam memahami kehendak komunikasi atau menangkap konteks perbualan yang berlaku. Dapatan ini sejajar dengan dapatan oleh Botting dan Conti-Ramsden (2007), yang menunjukkan bahawa kanak-kanak ASD cenderung untuk melanggar prinsip komunikasi pragmatik, terutamanya apabila tugas memerlukan mereka untuk mengolah dan mengingat kembali maklumat secara tersusun.

Secara lebih terperinci, aktiviti recalling sentences atau mengingat semula ayat didapati paling mencabar dan menjadi penanda paling sensitif dalam mengenal pasti kekangan pragmatik peserta. Ini kerana aktiviti ini bukan sahaja menguji memori linguistik jangka pendek, tetapi juga melibatkan pemprosesan makna, struktur sintaksis serta konteks sosial ayat tersebut. Keupayaan untuk mengingat semula secara tepat memerlukan integrasi antara memori kerja, pemahaman konteks, serta kecekapan dalam menyampaikan maklumat mengikut kehendak komunikasi. Kekurangan pada mana-mana aspek ini akan mengakibatkan respons yang tidak lengkap, kabur atau menyimpang daripada soalan yang diberi.

Pemerhatian harian yang dilakukan turut mendapati bahawa peserta kerap mengulangi ujaran tertentu seperti “ya”, “tak tahu”, “ha”, dan “lapar” dalam konteks yang tidak selalu berkait langsung dengan persekitaran. Ujaran ini diulang secara rutin sepanjang hari dan tidak menunjukkan variasi penggunaan bahasa mengikut situasi. Dari sudut pragmatik, corak ini mencerminkan penggunaan bahasa yang terhad dari segi fungsi sosial, serta kecenderungan kepada echolalia atau respons automatik, yang kerap berlaku dalam kalangan individu dengan ASD. Ini menunjukkan ketidakupayaan peserta untuk menyesuaikan struktur dan makna bahasa dengan niat komunikasi atau kehendak interaksi sosial sebenar.

Penemuan ini menggariskan bahawa intervensi yang bersifat umum dalam pengajaran kosa kata semata-mata mungkin tidak mencukupi untuk meningkatkan kecekapan komunikasi kanak-kanak autistik. Sebaliknya, intervensi perlu memberi tumpuan khusus kepada pengembangan kosa kata yang relevan, latihan membina ayat yang lengkap dan kontekstual, serta pemahaman prinsip komunikasi sosial seperti mengambil giliran bertutur, memahami maksud tersirat, dan memberi maklum balas yang sesuai. Dengan pendekatan yang berstruktur dan bersesuaian, potensi perkembangan kecekapan pragmatik dalam kalangan kanak-kanak ASD dapat ditingkatkan secara lebih signifikan dan berkesan.

5. Rumusan dan Cadangan

Tuntasnya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti, menganalisis dan menilai aspek pragmatik dalam penggunaan dan pemprosesan bahasa oleh seorang kanak-kanak autistik tahap substantial melalui pendekatan psikolinguistik. Berdasarkan pemerhatian terhadap tiga aktiviti linguistik utama dan dianalisis menggunakan kerangka teori Maksim Grice (1975), kajian ini mendedahkan bahawa keupayaan komunikasi pragmatik peserta adalah terbatas dan dicirikan oleh pelbagai bentuk pelanggaran maksim, khususnya maksim kuantiti dan cara. Kajian ini menegaskan bahawa kemahiran pragmatik bukan sahaja dipengaruhi oleh tahap penguasaan bahasa, tetapi juga berkait rapat dengan fungsi kognitif seperti memori kerja, fokus, dan kepekaan terhadap struktur sosial. Justeru, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan pengetahuan dalam bidang psikolinguistik dan memberi asas yang kukuh kepada usaha intervensi yang lebih menyeluruh melibatkan guru, ahli terapi dan penjaga dalam membantu perkembangan komunikasi kanak-kanak autistik. Hasil kajian ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman linguistik terhadap autisme, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan model intervensi pragmatik dalam terapi pertuturan dan pengajaran bahasa khas.

Diharapkan hasil kajian ini bukan sahaja menjadi sumbangan kepada bidang akademik dan amalan terapi pertuturan, tetapi turut menjadi asas bagi kajian lanjutan yang lebih berskala besar dan melibatkan variasi tahap spektrum autisme agar pendekatan pendidikan dan intervensi yang lebih inklusif dan berkesan dapat dibangunkan.

Penghargaan/Acknowledgements

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pelajar dan penyelia yang terlibat.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Aitchison, J. (2003). *The articulate mammal: An introduction to psycholinguistics* (Edisi ke4). London: Routledge.
- Baron-Cohen, S., Tager-Flusberg, H., & Cohen, D. J. (2000). *Understanding other minds* (Edisi ke-2). Oxford: Oxford University Press.
- Botting, N., & Conti-Ramsden, G. (2007). Autism, primary pragmatic difficulties and specific language impairment: Can we distinguish them using psycholinguistic markers? *Developmental Medicine & Child Neurology*, 49(8), 641–646.
- Campbell, R., & Wales, R. (1970). The study of language acquisition. Dalam J. Lyons (Ed.), *New horizons in linguistics* (hlm. 242–260). Harmondsworth: Penguin Books.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (Edisi ke-3). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Eigsti, I. M., de Marchena, A. B., Schuh, J. M., & Kelley, E. (2011). Language acquisition in autism spectrum disorders: A developmental review. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 5(2), 681–691.
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. Dalam P. Cole & J. L. Morgan (Eds.), *Syntax and semantics* (Vol. 3, hlm. 41–58). New York: Academic Press.
- Halliday, M. A. K. (1975). *Learning how to mean: Explorations in the development of language*. London: Edward Arnold.
- Johnson, C. P., & Myers, S. M. (2007). Identification and evaluation of children with autism spectrum disorders. *Pediatrics*, 120(5), 1183–1215.
- Kissine, M. (2012). Pragmatics, cognitive flexibility and autism spectrum disorders. *Mind & Language*, 27(1), 1–28.
- Lord, C., Cook, E. H., Leventhal, B. L., & Amaral, D. G. (2000). Autism spectrum disorders. *Neuron*, 28(2), 355–363.
- Rakhmanita, E. (2021). Kajian psikolinguistik terhadap gangguan berbahasa autisme. *Jurnal Ilmiah Pendidikan dan Bahasa*, 11(1), 1–10.
- Schmidt, R. (1993). Awareness and second language acquisition. *Annual Review of Applied Linguistics*, 13, 206–226.
- Schmidt, R. (2001). Attention. Dalam P. Robinson (Ed.), *Cognition and second language instruction* (hlm. 3–32). Cambridge: Cambridge University Press.

- Taguchi, N. (2011). Teaching pragmatics: Trends and issues. *Annual Review of Applied Linguistics*, 31, 289–310.
- Volden, J., & Phillips, L. (2010). Measuring pragmatic language in speakers with autism spectrum disorders: Comparing the Children’s Communication Checklist–2 and the Test of Pragmatic Language. *American Journal of Speech-Language Pathology*, 19(3), 204–212.
- World Medical Association. (2013). World Medical Association Declaration of Helsinki: Ethical principles for medical research involving human subjects. *JAMA*, 310(20), 2191–2194.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (Edisi ke-6). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.